



SIARAN AKHBAR

PMKS SUMBANG RM613.1 BILION PADA TAHUN 2023, BUKTIKAN PERANAN SEBAGAI PENYUMBANG UTAMA EKONOMI

KUALA LUMPUR, 31 Julai 2024 – Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) merekodkan pertumbuhan yang sangat memberangsangkan pada tahun 2023 merentasi penunjuk makroekonomi utama iaitu Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), eksport, pekerjaan dan produktiviti. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), PMKS mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.0% (2022: 12.3%) untuk menyumbang sebanyak RM613.1 bilion pada tahun 2023, yang membuktikan kepentingan peranannya sebagai penyumbang utama ekonomi Malaysia. Aktiviti ekonomi pada tahun tersebut didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan khususnya pengangkutan & penyimpanan serta sub-sektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan yang mendapat manfaat daripada perbelanjaan berkaitan pelancongan yang bertambah baik, susulan pembukaan semula sempadan antarabangsa oleh China pada awal tahun 2023.

Pertumbuhan PMKS terus mengatasi prestasi ekonomi keseluruhan yang berkembang sebanyak 3.6% pada tahun lepas. Pertumbuhan ini menyaksikan sumbangan PMKS kepada keseluruhan ekonomi telah meningkat daripada 38.6% pada tahun 2022 kepada 39.1% pada tahun berikutnya. Prestasi yang kukuh ini menunjukkan daya tahan dan peranan penting PMKS sebagai pemacu utama pertumbuhan dan kestabilan negara. Dalam persekitaran ekonomi yang mencabar, eksport PMKS mencapai nilai RM152.2 bilion pada tahun tersebut, yang berkembang sebanyak 4.5% (2022: 17.2%). Ini telah membawa kepada peningkatan ketara dalam sumbangan eksport PMKS, daripada 10.6% pada tahun 2022 kepada 12.2% dalam tahun 2023. Momentum pertumbuhan eksport ini sebahagian besarnya didorong oleh pengembangan berterusan dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam industri berkaitan pelancongan dan sektor pertanian. Sebaliknya, firma bukan PMKS mengalami penguncupan dua angka sebanyak 11.0% pada tahun 2023 selepas pertumbuhan yang luar biasa sebanyak 27.2% pada tahun 2022. Dalam masa yang sama, pertumbuhan eksport negara secara keseluruhannya merosot pada tahun 2023, disebabkan oleh permintaan global yang lebih perlahan, harga komoditi lebih rendah, ketidaktentuan geopolitik, kadar inflasi yang tinggi dan penurunan (*downturn*) dalam sektor semikonduktor.

Dari segi pasaran pekerjaan, PMKS menggaji seramai 7.86 juta pekerja pada tahun 2023, menunjukkan pertumbuhan sebanyak 3.5%. Peningkatan guna tenaga oleh PMKS telah menyumbang kepada kenaikan guna tenaga keseluruhan iaitu 48.5% pada tahun 2023 (2022: 48.2%). Di samping itu, produktiviti pekerja PMKS juga menunjukkan sedikit peningkatan, dengan nilai ditambah sebenar bagi setiap pekerja meningkat kepada RM78,035 berbanding RM76,919 pada tahun sebelumnya. Dalam landskap perniagaan yang semakin berkembang pada hari ini, produktiviti perniagaan boleh dipertingkatkan jika PMKS melabur dalam aspek teknologi, modal insan dan amalan kelestarian.

YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa pengumuman prestasi PMKS bagi tahun 2023 menyatakan, "Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bersama agensi-agensinya khususnya SME Corp. Malaysia amat komited untuk melaksanakan beberapa inisiatif bagi merencanakan lagi pembangunan PMKS di Malaysia. Ini termasuk menggalakkan penyertaan PMKS dalam rantaian bekalan domestik dan global, meningkatkan kapasiti PMKS ke arah pengantarabangsaan, menyediakan peluang pembiayaan inklusif, meneruskan usaha menggalakkan penerapan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam operasi perniagaan serta menggiatkan aktiviti keusahawanan di Sabah dan Sarawak".

Sementara itu, mengulas berkenaan pengumuman tersebut, YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia berkata, "Momentum pertumbuhan PMKS dijangka akan diperkukuh selaras dengan Pelan Strategik Perniagaan (BSP) kami yang merangkumi langkah-langkah untuk menjana hasil yang diharapkan dan diperkasa dengan sokongan institusi yang padu. Selain itu, SME Corp. Malaysia juga telah dilantik sebagai Sekretariat Tetap Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Sekretariat Tetap ini akan bersidang setiap bulan bagi membincangkan dan menangani isu-isu berkaitan pelaksanaan program PMKS dan keusahawanan".

Turut hadir dalam Sidang Media tersebut ialah YB Dato' Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha, KUSKOP, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi, SME Corp. Malaysia, YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin, Ketua Perangkawan, DOSM.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasi PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my